

Malaysia terima 'rasa kesal' Pope Benedict

BH- 20/9/2006

Abdullah mahu kesilapan tak berulang elak kemarahan Islam

Daripada M Thillinadan di New York

MALAYSIA menerima pernyataan kesal Pope Benedict XVI berhubung kata-katanya yang dianggap menghina Islam sehingga mencetuskan bantahan dan kemarahan umat Islam seluruh dunia.

Sehubungan itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), berharap kesilapan seperti itu tidak diulangi kerana ia boleh menyakiti umat Islam.

Perdana Menteri berkata, kenyataan kontroversi Pope Benedict dan kesannya terhadap umat Islam turut dibangkitkannya dalam pertemuan dengan Presiden Amerika Syarikat George Bush, petang semalam.

"Kenyataan itu dibuat oleh seorang ketua agama dan kerana itulah ia menimbulkan kemarahan umat Islam seluruh dunia.

"Bush bersetuju dengan pandangan saya mengenai isu itu dan memahami punca kemarahan umat Islam. Bush kata beliau menghormati

agama Islam dan nampak ikhlas mengenainya," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Duta Malaysia ke Amerika Syarikat, Datin Paduka Dr Rajmah Hussain dan Penasihat Hal-Ehwal Luar kepada Perdana Menteri, Tan Sri Kadir Mohamed.

Kelmarin, Pope Benedict menyaya-

“Bush bersetuju dengan pandangan saya mengenai isu itu dan memahami punca kemarahan umat Islam”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

takan beliau amat kesal dengan kata-katanya sebelum itu yang dianggap menghina Islam hingga mencetuskan kemarahan umat Islam.

Selasa lalu, dalam ucapan di Universiti Regensburg, Jerman, Pope Benedict, mengaitkan Islam dengan geganasan dan memetik kritikan Raja Byzantine kurun ke-14, Maharaja Manuel II Paleologus, terhadap Nabi Muhammad SAW.

Sementara itu, Reuters melaporkan, Bush menyifatkan Pope Benedict ikhlas dalam permohonan maafnya berhubung kenyataannya yang menimbulkan kemarahan umat Islam seluruh dunia.

Presiden Bush menyatakan bahawa Pope sudah memohon maaf terhadap kenyataannya," kata laporan itu memetik Pengarah Kanan Rumah Putih bagi Hal-Ehwal Asia Timur, Dennis Wilder.

Katanya, kenyataan itu dibuat Bush dalam perbincangan dengan Abdullah tetapi perbincangan dua pemimpin itu hanya setakat itu.

Ditanya sama ada Abdullah berpuas hati dengan pandangan Bush itu, Wilder berkata: "Beliau (Abdul-

lah) menerima pendirian Bush berhubung perkara berkenaan."

Beliau berkata, Abdullah dipilih sebagai antara pemimpin yang mengadakan pertemuan dengan Bush kerana Washington menyifatkan Malaysia sebagai negara Islam sederhana yang ada hubungan erat dengan Amerika serta berwibawa.

Dalam perkembangan lain, Abdullah ditanya mengenai kes penahanan dua rakyat Malaysia di Guantanamo Bay, berkata Dr Rajmah sudah menghubungi Washington untuk menyatak pandangan Malaysia.

"Hasrat kita adalah mereka dibicarakan secara adil di mahkamah dan Amerika memahami pendirian kita," katanya mengulas penahanan Mohd Faruk Amin (Zubair) dan Mohamed Nazir Lepi (Bashir) didakwa terbabit dengan Jemaah Islamiah (JI) dan al-Qaeda serta dipilih untuk melancarkan serangan gelombang kedua terhadap Amerika.

Kedua-dua rakyat Malaysia itu ditahan bersama seorang pemimpin kanan JI, Hambali di Thailand pada 2003.